

25 MAY 2000

Hishammuddin-Pemuda

HISHAMMUDDIN LANTIK LAPAN KETUA PEMUDA UMNO NEGERI BARU

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini mengumumkan pelantikan lapan ketua Pemuda Umno negeri yang baru dan mengekalkan lima muka lama selain merombak biro-biro pergerakan itu.

Ketua-ketua Pemuda Negeri yang baru ialah Ismail Kassim (Perlis), Haji Abdul Wahab Din (Kedah), Datuk Mohd Zaini Salleh (Pahang), Dr Karim Mansor (Selangor), Ahmad Fauzi Zahari (Wilayah Persekutuan), Shaziman Abu Mansor (Negeri Sembilan), Abdullah Salleh (Melaka) dan Taufiq Datuk Abu Bakar Titingan (Sabah).

Mereka yang dikekalkan ialah Zahari Kechik (Kelantan), Haji Abdul Rahin Mohd Said (Terengganu), Mohd Ismail Mohd Othman (Pulau Pinang) dan Dr Nasrah Salim (Johor).

Hishammuddin, yang bercakap pada persidangan media selepas mesyuarat pertama Exco pergerakan itu selepas perhimpunan agung dan pemilihan parti baru-baru ini turut mengumumkan pelantikan lima anggota Exco tambahan pergerakan itu termasuk Zein Isma Ismail, yang tewas dalam pertandingan bagi jawatan naib ketua.

Seorang anggota lama yang dilantik ialah Datuk Wan Ahmad Farid manakala tiga lagi terdiri daripada Jamiluddin Junit, Sahar Sakar dan Shamsul Najmi Shamsuddin.

Zulkifli Alwi dan Mokhzani Mahathir, masing-masing dikekalkan sebagai penolong setiausaha dan penolong bendahari manakala Azimi Daim dilantik sebagai ketua penerangan.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, ketua penerangan dilantik dari kalangan Exco Pemuda yang dipilih pada pemilihan parti yang lepas bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa yang berkehendakkan ketua penerangan yang diterima di peringkat akar umbi.

Beliau juga melantik Harisson Hassan, 25, sebagai setiausaha kerja pergerakan itu dalam usaha memberi ruang kepada golongan profesional muda dalam pergerakan itu.

Beliau turut meminta semua pengerusi biro memberi keutamaan kepada golongan profesional muda dalam pelantikan setiausaha-setiausaha biro.

Hishammuddin membentuk tiga jawatankuasa iaitu jawatankuasa politik yang dipengeruskannya sendiri, jawatankuasa pengurusan dan disiplin yang dipengerusikan naib ketua pergerakan itu Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan jawatankuasa penerangan yang dipengerusikan oleh Azimi, serta 12 biro.

Biro Pembangunan Ekonomi dipengerusikan oleh Wan Khair-il Anuar Wan Ahmad, Biro Pendidikan (Dr Adham Baba), Biro Hal Ehwal Agama (Dr Mohamad Khir Toyo), Biro Hal Ehwal Antarabangsa (Dr Shamsul Anwar Sulaiman), Biro Latihan (Dr Zambry Abdul Kadir), Biro Briged Putra (Azman Shah Omar Shah), Biro Pembangunan Luar Bandar (Said Anuar Said Ahmad),

Biro Belia (Ismail Sabri Yaakob), Biro Sukan (Datuk Abdul Hamid Nazahar), Biro Hal Ehwal Pengguna (Affendi Zahari), Biro Tugas-tugas Khas (Ezanee Abdullah) dan Biro Perhubungan Awam (Zahidi Zainul Abidin).

"Menerusi biro-biro ini, Pemuda akan menyusun pelbagai program dan aktiviti untuk ahli Pemuda dan golongan muda sehingga peringkat akar umbi. Pemuda akan bertindak pro aktif, mesra rakyat, prihatin dengan permasalahan rakyat dan bertindak sebagai jurubicara rakyat," katanya.

Selaras dengan usaha untuk mendekati generasi muda, pergerakan itu juga memutuskan supaya setiap orang anggota Exconya mengambil lapan bahagian Pemuda sebagai bahagian angkat dan akan mengadakan mesyuarat Exconya di negeri-negeri, tambahna.

Mesyuarat Exco Pemuda yang akan datang akan diadakan di Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

AFY/AHH LAT